

EMBARGO:- UNTUK SIARAN PADA JAM 2000 HARI INI WAKTU MALAYSIA

---

DARI OSMAN TAIB

1983

NEW DELHI, 8 MAC (BERNAMA) -- VIETNAM HARI INI DIKECAM DI SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI KERANA MENYERANG KAMPUCHEA DAN ENGGAN MENGUNDURKAN TENTERANYA DARI NEGARA ITU.

PERDANA MENTERI MALAYSIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBUAT KECAMAN ITU BERKATA KEADAAN DI KAMPUCHEA BUKAN SAHAJA MENGANCAM KEAMANAN DAN KESETABILAN SERANTAU MALAHAN MENGGALAKAN PENGLIBATKAN KUASA-KUASA BESAR DI ASIA TENGGARA.

IA JUGA MENGHALANG USAHA UNTUK MEWUJUDKAN SATU RANTAU BEBAS, AMAN DAN BERKECUALI DI RANTAU ITU DAN MENYEKAT KERJASAMA YANG BERFEADAH ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN DAN INDOCHINA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEADAAN ITU TERUS BERLAKU SEKALIPUN RAYUAN-RAYUAN TELAH DIBUAT DI EMPAT PERHIMPUNAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN PERSIDANGAN MENGENAI KAMPUCHEA BAGI MENDAPATKAN PENYELESAIAN POLITIK SECARA MENGUNDURKAN SEMUA TENTERA ASING DARI KAMPUCHEA DAN MEMBOLEHKAN RAKYAT KAMPUCHEA MENENTUKAN NASIB MEREKA SENDIRI. --LAGI. 1709/WS

ZCZC 8650

MAHATHIR-VIETNAM 2 NEW DELHI

PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI TELAH BEBERAPA KALI MELAHIRKAN PANDANGAN BERATNYA TERHADAP CAMPURTANGAN INI DAN MENINGATKAN TENTANG BAHAYA PERSENGKETAAN KAMPUCHEA AKAN MELARAT KE KAWASAN-KAWASAN LAIN.

BELIAU BERKATA MALANGNYA SEGALA SERUAN ITU TIDAK DIHIRAUKAN OLEH PIHAK BERKENAAN DAN SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI ATAS SEBAB-SEBAB YANG SUKAR DIPERTAHANKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KAMPUCHEA KINI DIDUDUKI OLEH KIRA-KIRA 200,000 ORANG TENTERA ASING DAN HURAIAN-HURAIAN KENAPA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN TIDAK PULA BERKAITAN.

HAKIKATNYA IALAH TENTERA-TENTERA VIETNAM MASUK KE KAMPUCHEA DAN MENUBUHKAN SEBUAH REJIM BONEKA DAN DENGAN BERBUAT DEMIKIAN MEREKA TERUS MENYOKONG REJIM TERSEBUT.

KATANYA YANG JELAS RAKYAT KAMPUCHEA TIDAK MENYOKONG REJIM TERSEBUT DAN KERANA ITU TIDAKLAH PERLU TENTERA ASING DITEMPATKAN DI SANA. --LAGI. 1712/WS

MAHATHIR-VIETNAM 3 NEW DELHI (EMBARGO)

RAMAI RAKYAT KAMPUCHEA TELAH MELARIKAN DIRI DAN INI MEMBUKTIKAN LAGI BAHAWA MEREKA TIDAK MENYOKONG REJIM ITU ATAUPUN PENDUDUKAN TENTERA ASING.

HAKIKAT BAHAWA PELARIAN KAMPUCHEA LEBIH BERSEDIA MENYERTAI KERAJAAN CAMPURAN PIMPINAN PUTERA NORODOM SIHANOUK MEMBUKTIKAN DENGAN JELAS MEREKA TIDAK MAHU REJIM HENG SAMRIN BERKUASA ATAUPUN PENYOKONG-PENYOKONG VIETNAMNYA.

SUNGGUHPUN BEGITU VIETNAM DAN BEBERAPA BUAH NEGARA LEBIH BERSEDIA TIDAK MENGINDAHKAN BAHAWA KEMERDEKAAN KAMPUCHEA DICABULI DAN DEMIKIAN JUGA DENGAN SEGALA PRINSIP-PRINSIP YANG DISUARAKAN OLEH NEGARA-NEGARA BERKECUALI, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL TERHADAP KETIDAKHADIRAN KAMPUCHEA DI SIDANG KEMUNCAK ITU SECARA TERPAKSA.

MBELIAU MENGECEM APA YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI KEPUTUSAN KONTROVERSIAL OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA UNTUK MENYEKAT DEMOKRATIK KAMPUCHEA BERHAK TERHADAP KERUSINYA TANPA MENGHIRAUKAN PANDANGAN-PANDANGAN MAJORITI.

+KITA TIDAK BOLEH MEMBIARKAN TREND INI TERUS BERLAKU SEMATA-MATA KERANA SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA DAN RAKAN-RAKAN KUAT MEREKA BERKERAS TANPA MEMIKIRKAN AKIBATNYA,+ TEGAS BELIAU.

--LAGI 1720/WS

MAHATHIR-VIETNAM 4 NEW DELHI (EMBARGO)

BELIAU BERKATA BAHAWA HAK DEMOKRATIK KAMPUCHEA UNTUK MEWAKILI KAMPUCHEA DALAM PERGERAKAN INI DAN DI TEMPAT LAIN TIDAK SEHARUSNYA DIPERTIKAI KERANA PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU TELAH BERULANG KALI, DENGAN BERTAMBAH MAJORITI, MENGIKTIRAF HAK DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

MENGENEPIKAN PENYERTAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DALAM PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI ADALAH TIDAK ADIL DAN PERLU DISELESAIKAN BAGI MEMPASTIKAN BAHAWA KITA BERDIRI TEGUH MENYOKONG PERKECUALIAN, KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGALU-ALUKAN LANGKAH UNTUK TERUS MENELITI SOAL PERWAKILAN KAMPUCHEA DALAM PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI.

BELIAU MENARIK PERHATIAN SIDANG KEMUNCAK ITU MENGENAI CADANGAN MALAYSIA BAHAWA PERLU ADA KRITERIA DAN PERATURAN UNTUK MENGGANTUNG ATAU MEMECAT SESEBUAH NEGARA ANGGOTA DAN BERKATA BAHAWA TINDAKN SEGERA PERLU DIAMBIL AKAN PERKARA INI.

PERDANA MENTERI BERHARAP SUPAYA PERSENGKETAAN KAMPUCHEA DISELESAIKAN DENGAN CARA POLITIK AGAR KEAMANAN DAN KESTABILAN DAPAT DIPULIHKAN DI ASIA TENGGARA.

--BERNAMA. 1725/WS